

**33 Projek IBO Dijangka Raih Perolehan Rm1.58 Bilion Dalam Tiga Tahun, Kata Najib Bernama
16 Oktober, 2012**

KUALA LUMPUR, 16 Okt (Bernama) -- Sebanyak 33 projek di bawah inisiatif Peluang Perniagaan Inovasi (IBO) dijangka meraih RM1.58 bilion dalam perolehan dalam tempoh tiga tahun akan datang, kata Perdana Menteri Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak.

Semasa mengumumkan hasil Fasa 1, inisiatif IBO dan pewujudan kekayaan strategik lain di Parlimen hari ini, beliau berkata daripada 42 IBO awal yang ditawarkan melalui pembidaan kompetitif telus, sebanyak 15 diambil oleh rakan kongsi industri untuk dikomersilkan manakala 18 yang lain dalam pelbagai peringkat rundingan.

Najib, yang juga Menteri Kewangan, berkata potensi jumlah hasil untuk 15 projek dianggarkan sebanyak RM832 juta dan 18 dalam rundingan mempunyai potensi menambah RM748 juta lagi untuk pendapatan negara kasar.

"Perlu diingat bahawa hasil di atas berjumlah RM1.58 bilion dalam tempoh tiga tahun adalah peluang kekayaan baru yang didapati oleh kerajaan.

"Ini yang dilakukan oleh kerajaan yang bertanggungjawab - menghasilkan keputusan yang boleh dilihat dan ketara untuk rakyat melalui komuniti perniagaan bukan retorik semata-mata atau membuat janji-janji kosong. Keputusan sebenar datang dari kerja yang sebenar, bukan rancangan khayalan. "

Najib turut mengumumkan fasa kedua IBO yang melibatkan 50 produk atau teknologi baru dengan potensi pendapatan RM560 juta pada tahun ketiga.

"Saya menjemput perniagaan dan individu membida peluang-peluang yang boleh menghasilkan penciptaan kekayaan yang besar untuk negara. Ini merupakan peluang anda untuk meraih faedah yang besar. Ambil bahagian dan kerajaan akan membantu anda," kata Perdana Menteri.

Najib berkata kerajaan mencari untuk teknologi dan produk inovatif daripada sektor swasta, daripada syarikat-syarikat yang telah mendapatinya sukar untuk mendapatkan pembiayaan.

"Sebagai langkah pertama, Agensi Inovasi Malaysia (AIM) telah memudahkan pembiayaan RM65 juta kepada tujuh syarikat. Sebahagian daripadanya adalah teknologi pertama dunia manakala yang lainnya mempunyai pasaran khusus yang kukuh yang boleh dibangunkan untuk Malaysia menjadi peenraju," katanya.

Tujuh syarikat ini dijangka meraih pendapatan sebanyak RM291 juta pada akhir tahun ketiga operasi mereka, kata Najib.

Sementara itu, di bawah Strategi Biojisim Nasional, beliau mengumumkan penubuhan tiga loji pelet yang akan memulakan operasi mereka dalam tempoh enam bulan.

Ketiga-tiga loji berkenaan akan memproses sehingga 460,000 tan metrik biojisim setiap tahun bernilai RM159.5 juta setahun, kata beliau.

Najib berkata seorang pembeli eksport telah diperoleh untuk mendapatkan sehingga empat juta tan setahun, yang membeli laluan kepada negara untuk menjadi pengeksport pes sawit.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=702434>